

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bayaran pencen pegawai/kakitangan awam mengikut tahun, gred/pangkat dan juga bilangan pesara/ahli keluarga yang menerima (bagi tahun 2010-2019). Apakah dasar Kerajaan semasa berkenaan pencen pegawai/kakitangan awam dan adakah Kerajaan bercadang untuk melakukan pembaharuan dasar bagi mengutamakan penjimatan wang rakyat.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bayaran pencen dan penerima termasuk pesara dan juga penerima pencen terbitan iaitu balu/ duda kepada pesara meninggal dunia bagi tahun 2010 – 2019 adalah seperti berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH BAYARAN (RM)</b>	<b>BIL. PENERIMA</b>
2010	9,883,257,932.54	607,824
2011	11,402,630,911.93	635,203

**SOALAN NO : 25**

2012	12,542,751,495.51	660,907
2013	13,133,956,461.63	692,244
2014	16,341,889,948.02	718,529
2015	17,986,096,718.62	731,742
2016	20,359,570,425.08	765,420
2017	21,878,220,122.67	847,185
2018	23,865,508,199.59	827,586
<b>2019 (sehingga Ogos)</b>	<b>16,906,042,633.95</b>	<b>838,329</b>

Kerajaan akan mengekalkan Skim Pencen sedia ada kepada penjawat awam yang sedang berkhidmat. Cadangan pembaharuan Skim Pencen adalah masih dalam peringkat kajian dan sedang diperhalusi di bawah Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam di mana salah satu tujuan adalah bagi menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.